

09/07/2003

Calon BN tidak jujur isytihar harta hadapi tindakan: Dr M

Tuan Nazuri Tuan Ismail, Johari Ibrahim; Faiza Zainuddin  
KUALA NERANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tindakan mungkin diambil ke atas calon Barisan Nasional (BN) yang mengisytiharkan harta masing-masing secara tidak jujur, jika cadangan supaya mereka berbuat demikian dilaksanakan.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN bagaimanapun berkata, perkara itu masih di peringkat cadangan dan belum dibincangkan di peringkat Dewan Tertinggi BN dan Majlis Tertinggi Umno.

Katanya, tindakan hanya boleh diambil ke atas calon jika cadangan mewajibkan pengisytiharan harta itu dilaksanakan.

"Ya, mungkin berlaku tetapi kalau kita dapati dia tipu. Kita ambil tindakan terhadap penipuan yang dibuat oleh sesiapa pun," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak projek Kota Putra, pintu sempadan Malaysia-Thailand kedua di Kedah selepas Bukit Kayu Hitam, dekat sini, semalam.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain. Perdana Menteri kemudian melawat projek Kuala Kedah Marina Harbour di tapak Kota Kuala Kedah di Alor Star yang dibina oleh syarikat BF Infra Sdn Bhd.

Projek milik Jabatan Laut berharga RM26 juta itu boleh menempatkan 44 kapal layar dan bangunan Kelab Kapal Layar Kuala Kedah.

Beliau kemudian meluangkan masa untuk makan tengah hari bersama dua kakaknya, Rafeah dan Habsah serta saudaranya yang lain di Jalan Pegawai di Alor Star.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, kelmarin dilaporkan berkata cadangan mewajibkan calon Umno atau BN mengisytiharkan harta menjelang pilihan raya akan datang perlu dibincangkan pada peringkat atasan parti.

Khalil berkata, setakat ini Umno memang mengawasi gaya hidup setiap wakil rakyatnya di seluruh negara, selain pelbagai kriteria lain yang diberi perhatian.

Perdana Menteri, ketika ditanya bila cadangan itu boleh dilaksanakan, berkata:

"Manalah saya tahu. Tanyalah dia orang. Baru cadangan dari Tan Sri Khalil, belum dipertimbangkan, kalau ada mesyuarat MT baru pertimbangkan."

Bagaimanapun, katanya, cadangan itu tidak memerlukan pindaan perlembagaan parti kerana ia hanya membabitkan soal pentadbiran.

Sementara itu, Khalil dalam sidang akhbarinya di Kuala Lumpur semalam berkata, cadangan mewajibkan calon Umno atau BN mengisytiharkan harta menjelang pilihan raya umum akan datang sukar untuk dilaksanakan kerana ada calon yang ditentukan pada saat akhir.

Beliau berkata, secara praktikal, cadangan itu akan menimbulkan banyak masalah kepada calon, terutama yang dinamakan pada saat akhir sebelum pengumuman calon.

Calon berkenaan, katanya, terpaksa menumpukan perhatian untuk mengisi borang calon, mendapatkan pencadang dan penyokong serta menyusun jadual kempen, sekali gus menyukarkan mereka mengisytihar harta.

"Saya tidak sebut cadangan itu akan diwajibkan. Kalau ia dibangkitkan di peringkat MT, ia perlu dibincangkan.

"Setakat ini, Umno atau BN belum mengamalkan syarat seperti itu. Untuk menjadi calon, bergantung kepada pemilihan terakhir oleh pucuk pimpinan Umno negeri atau pusat," katanya sambil menambah, setakat ini hanya Ahli Parlimen diwajibkan mengisytiharkan harta.

Beliau berkata, cadangan berkenaan boleh dilaksanakan jika calon diketahui awal dan tiada perubahan pada saat akhir sebelum penamaan calon.

Lazimnya, Pengerusi Perhubungan Umno negeri menyimpan tauliah yang diberikan kepada seseorang calon hingga saat akhir.

Khalil berkata, Umno memang mengawasi gaya hidup setiap wakil rakyatnya dan pelbagai kriteria lain yang diberi perhatian.